

Headline	Badminton ASEAN USM tarik lebih 100 penyertaan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	87	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	184 cm <sup>2</sup>
Journalist	am@mediaprima.com.my	AdValue	RM 6,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,387



# Badminton ASEAN USM tarik lebih 100 penyertaan

Oleh Syed Ismail Syed Abu Bakar

am@mediaprima.com.my

**Georgetown:** Kejohanan Badminton ASEAN 2014 Universiti Sains Malaysia (USM) yang akan diadakan di Kompleks Pusat Sukan kampus induk, Minden, pada 3 dan 4 Mei berjaya menarik penyertaan lebih 100 pemain.

Beberapa pelajar luar negara yang mengikuti pengajian di USM termasuk India, Myanmar, Indonesia, Thailand dan Singapura sudah mengesahkan penyertaan masing-masing.

Kejohanan yang dibuka untuk pelajar tempatan dan asing dianjurkan bagi menyemarakkan lagi budaya

bersukan selain mewujudkan jaringan perhubungan sesama mereka.

Pengarah kejohanan Hamza Mohamed Amin Mostafa berkata, empat kategori dipertandingkan termasuk perseorangan lelaki dan wanita serta beregu lelaki dan wanita.

"Selain itu, kami mahu melahirkan lebih ramai pemain berbakat bukan saja pemain tempatan, malah luar negara untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai sosio-ekonomi pelancongan sukan paling sesuai dan menarik," katanya.

Kejohanan kali ini bukan saja menyasar penyertaan pemain dalam kalangan pelajar tempatan malah Ins-



**HAMZA (kiri)** menunjukkan poster promosi kejohanan bersama penasihat kejohanan, **Prof Madya Dr Anees Janee Ali (tengah)**, semalam.

titusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM); Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Universiti Wailalak, Universiti Prince of Songkla dan Hatyai dari Thailand.

Hamza berkata, kejohanan badminton ASEAN itu secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai ikon kejohanan sukan dipertandingkan di USM.

Beliau berkata, yuran pe-

nyertaan RM30 dikenakan kepada pemain dan borang penyertaan boleh diperolehi dengan menghubungi talian 011-14428797 atau faksimili 04-6533787 sebelum tarikh tutup pada 20 April ini.

Pemenang bakal menerima hadiah wang tunai RM1,000 serta pingat dan majlis perasmian dijangka disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM Prof Dr Adnan Hussein.